

SOALAN LAZIM: PEMINDAHAN KELAYAKAN BUDI DIESEL

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel membenarkan penerima BUDI MADANI yang layak BUDI Diesel berdasarkan pemilikan kenderaan diesel memindahkan kelayakan membeli diesel bersubsidi kepada pengguna sebenar kenderaan tersebut. Sebelum ini, pemindahan ini hanya terhad kepada ahli keluarga terdekat. Namun, berkuat kuasa 16 September 2026, pemindahan kelayakan ini telah diperluas kepada mana-mana individu yang layak.

Individu yang menerima pemindahan, yang sebelum ini hanya boleh membeli RON95 bersubsidi, boleh membeli diesel bersubsidi menggunakan MyKad masing-masing berdasarkan kenderaan diesel yang ditetapkan kepadanya.

2. Siapakah yang layak memohon Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel hendaklah dikemukakan oleh penerima asal kelayakan BUDI Diesel, iaitu pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian individu yang telah memenuhi syarat kelayakan BUDI Diesel berikut:

- i. Memiliki lesen memandu aktif bagi kelas dan jenis yang dibenarkan;
- ii. Memegang Kad Pengenalan (MyKad) yang sah;
- iii. Memiliki kenderaan diesel persendirian individu berdaftar atas nama sendiri; dan
- iv. Kenderaan tersebut mempunyai Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) yang aktif.

Pemilik berdaftar yang memiliki lebih daripada satu (1) kenderaan diesel persendirian individu boleh memindahkan kelayakan BUDI Diesel mereka berdasarkan jumlah kenderaan diesel persendirian individu yang dimilikinya, tertakluk kepada had maksimum tiga (3) individu, tidak termasuk pemilik berdaftar asal kenderaan itu sendiri. Ini menjadikan kelayakan pengguna diesel adalah sehingga empat (4) individu iaitu pemilik berdaftar tersebut dan tiga (3) orang individu lain.

3. Siapakah yang layak menerima Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dibuat kepada individu yang merupakan warganegara Malaysia, pemegang MyKad yang sah dan layak menerima BUDI95.

Pemilik berdaftar hendaklah mengesahkan bahawa individu yang ditetapkan merupakan pengguna sebenar kenderaan dan bersetuju supaya akses pembelian diesel bersubsidi bagi kenderaan tersebut dipindahkan kepada individu berkenaan.

Pemindahan kelayakan hanya dibenarkan sekali sahaja, bagi setiap kenderaan yang ditetapkan dan kelayakan yang diterima melalui pemindahan tidak boleh dipindahkan semula kepada individu lain.

4. Apakah kesan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel terhadap liter kelayakan bulanan?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel membolehkan penerima yang diluluskan untuk menggunakan MyKad masing-masing bagi membeli diesel bersubsidi berdasarkan jenis kenderaan diesel yang ditetapkan oleh pemilik berdaftar. Pemindahan ini terbahagi kepada dua (2) keadaan berikut:

- i. pemindahan hanya melibatkan fungsi membeli diesel bersubsidi dengan kelayakan liter yang sama; atau
- ii. pemindahan melibatkan fungsi membeli diesel bersubsidi dan kelayakan tambahan 100 liter, sekiranya pemilik asal memindahkan kelayakan bagi kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak.

Ini bermakna kelayakan liter bulanan penerima adalah berdasarkan jenis kenderaan yang ditetapkan kepadanya, termasuk kelayakan tambahan 100 liter sekiranya kenderaan tersebut merupakan jenis jip atau pick-up yang layak.

Pemilik berdaftar yang memiliki lebih daripada satu (1) kenderaan diesel persendirian individu boleh memindahkan kelayakan BUDI Diesel mereka berdasarkan jumlah kenderaan diesel persendirian individu yang dimilikinya, tertakluk kepada had maksimum tiga (3) individu, tidak termasuk pemilik berdaftar asal kenderaan itu sendiri. Ini menjadikan kelayakan pengguna diesel adalah sehingga empat (4) individu iaitu pemilik berdaftar tersebut dan tiga (3) orang individu lain.

Pemilik berdaftar yang mengemukakan permohonan baharu dan masih mempunyai kenderaan diesel yang tidak dipindahkan akan terus menikmati kelayakan BUDI Diesel bagi kenderaan tersebut secara automatik.

5. Bolehkah individu penerima membuat permohonan kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter?

Permohonan kelayakan tambahan BUDI MADANI 100 liter hendaklah dikemukakan oleh pemilik berdaftar kenderaan, iaitu penerima asal kelayakan BUDI Diesel, sekiranya kenderaan diesel yang ditetapkan merupakan kenderaan jenis jip atau pick-up yang layak. Individu penerima pemindahan tidak boleh mengemukakan permohonan tersebut.

Kelayakan tambahan 100 liter tidak diberikan secara automatik. Sekiranya permohonan pemilik berdaftar diluluskan, kelayakan tambahan tersebut akan terpakai kepada individu penerima yang ditetapkan bagi kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak.

6. Berapa kalikah permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dikemukakan?

Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap kenderaan yang layak.

Pemindahan kelayakan yang telah diluluskan adalah muktamad dan bersifat sehalu. Kelayakan tersebut tidak boleh dibatalkan, dipindahkan semula kepada pemilik asal atau dipindahkan kepada individu lain pada masa hadapan, kecuali bagi keadaan khusus yang dinyatakan di bawah.

Sehubungan itu, pemohon dinasihatkan untuk memastikan maklumat penerima yang dipilih adalah tepat sebelum mengemukakan permohonan.

Walau bagaimanapun, kelayakan BUDI Diesel tersebut akan dikembalikan kepada pemilik berdaftar kenderaan sekiranya penerima pemindahan telah memiliki kenderaan diesel berdaftar atas nama sendiri. Pengembalian kelayakan ini akan berkuat kuasa semasa proses pengemaskinian kuota bulanan bagi kitaran bulan berikutnya.

Selain itu, pemakluman perlu dikemukakan bagi keadaan berikut:

- i. Kematian penerima yang telah didaftarkan; atau
- ii. Perpisahan sah di sisi undang-undang iaitu perceraian yang diiktiraf secara rasmi.

Pemakluman boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI melalui e-mel tanya@budimadani.gov.my dengan mengemukakan maklumat bagi penerima asal dan individu yang akan menerima kelayakan.

Di luar keadaan di atas, pemindahan kelayakan tidak boleh dibatalkan atau ditukar kepada individu lain.

7. Apakah maklumat yang diperlukan bagi tujuan permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Penerima asal kelayakan BUDI Diesel boleh mengemukakan permohonan melalui portal www.budimadani.gov.my atau hadir secara fizikal di Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seluruh negara.

Sila sediakan maklumat bagi penerima asal dan individu yang akan menerima kelayakan, seperti berikut:

- i. Nama dan Nombor Kad Pengenalan (MyKad);
- ii. Nombor Pengenalan Cukai (TIN);
- iii. Nombor telefon dan e-mel yang boleh dihubungi;

- iv. Nombor pendaftaran kenderaan diesel yang layak;
- v. Status kelayakan BUDI MADANI; dan
- vi. Maklumat hubungan dengan individu penerima.

Nombor pendaftaran kenderaan diesel yang layak wajib dinyatakan bagi setiap permohonan pemindahan kelayakan. Kelayakan yang diluluskan kepada individu penerima akan ditentukan berdasarkan jenis kenderaan diesel tersebut.

Tiada dokumen sokongan yang diperlukan bagi permohonan ini. Pelaksanaan semakan kelayakan tertakluk kepada pengesahan, kemas kini dan semak silang data dengan agensi-agensi berkaitan.

8. Bolehkah saya memindahkan semula kelayakan kepada pemilik asal atau kepada individu lain pada masa hadapan?

Tidak. Pemindahan kelayakan yang telah diluluskan adalah muktamad dan bersifat sehalu. Kelayakan tersebut tidak boleh dipindahkan semula kepada pemilik asal atau kepada individu lain pada masa hadapan, kecuali dalam keadaan khusus seperti yang dinyatakan dalam Soalan 6 di atas.

9. Bagaimana saya boleh menyemak status permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel?

Semakan status permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dibuat melalui portal rasmi BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

Pemprosesan permohonan akan dibuat secara bulanan dan pemindahan kelayakan yang diluluskan akan dikemas kini dan dipaparkan mulai 1 hari bulan berikutnya, tertakluk kepada pemprosesan dan pengemaskinian permohonan yang dikemukakan selewat-lewatnya 27 hari bulan pada bulan sebelumnya.

Pengguna juga boleh menghubungi Pusat Khidmat BUDI MADANI di 1300-88-9595, WhatsApp di +603-26314595 atau e-mel di tanya@budimadani.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.

10. Bilakah permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel boleh dikemukakan dan bilakah individu penerima boleh mula membeli diesel bersubsidi?

Permohonan Pemindahan Kelayakan BUDI Diesel perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 27 hari bulan pada bulan sebelumnya untuk diproses bagi bulan seterusnya (contoh: permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 27 September 2026 bagi membolehkan kelayakan digunakan mulai 1 Oktober 2026).

Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan diproses dalam bulan berikutnya tertakluk kepada semakan dan pengesahan data.

Pemilik asal boleh membuat permohonan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my atau hadir secara fizikal di Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seluruh negara.

11. Bolehkah saya meminda maklumat penerima dan maklumat nombor pendaftaran kenderaan atau membatalkan permohonan pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang telah dikemukakan?

Pindaan maklumat permohonan pemindahan kelayakan BUDI Diesel boleh dibuat selagi permohonan tersebut belum diluluskan dan belum memenuhi had permohonan tiga (3) kenderaan. Dalam tempoh tersebut, pemohon boleh meminda maklumat permohonan, termasuk maklumat individu penerima atau maklumat nombor pendaftaran kenderaan diesel, melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my.

Permohonan yang dikemukakan akan mula diproses selepas tarikh tutup, iaitu 27 hari bulan pada setiap bulan. Sebarang pindaan maklumat hendaklah dibuat sebelum tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, proses pemprosesan data boleh berlaku dengan lebih kerap iaitu seawal setiap dua (2) hari bergantung kepada keperluan dan jumlah permohonan yang diterima.

Sehubungan itu, pemohon dinasihatkan supaya tidak menunggu sehingga tarikh tutup dan segera membuat pindaan maklumat permohonan sekiranya terdapat sebarang ralat.

Pemohon juga dinasihatkan untuk menyemak ketepatan maklumat sebelum mengemukakan permohonan, memandangkan pemindahan kelayakan yang telah diluluskan adalah muktamad dan bersifat sehala.

12. Bagaimanakah individu penerima boleh mengesahkan bahawa pemindahan kelayakan telah diproses?

Individu penerima boleh menyemak kelayakan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my menggunakan nombor MyKad masing-masing.

Sekiranya data telah diterima, diproses dan memenuhi kriteria yang ditetapkan, status kelayakan akan dipaparkan melalui portal tersebut.

13. Jika saya memiliki lebih daripada satu kenderaan diesel, bolehkah saya memindahkan kelayakan kepada individu lain sambil mengekalkan kelayakan saya sendiri?

Pemilik berdaftar yang memiliki lebih daripada satu (1) kenderaan diesel persendirian individu boleh mengekalkan kelayakan bagi kenderaan yang digunakan sendiri dan menetapkan individu lain sebagai pengguna kelayakan bagi kenderaan-kenderaan lain yang dimilikinya, tertakluk kepada had maksimum tiga (3) individu, tidak termasuk pemilik berdaftar itu sendiri. Ini menjadikan kelayakan pengguna diesel adalah sehingga empat (4) individu iaitu pemilik berdaftar tersebut dan tiga (3) orang individu lain.

Kelayakan liter bulanan penerima pula adalah berdasarkan jenis kenderaan yang ditetapkan kepadanya, termasuk kelayakan tambahan 100 liter sekiranya kenderaan tersebut merupakan jenis jip atau pick-up yang layak.

14. Adakah pemindahan kelayakan masih terpakai sekiranya pemilik asal menjual atau menukar hak milik kenderaan diesel tersebut?

Pemindahan kelayakan BUDI Diesel adalah bergantung kepada kelayakan pemilik asal sebagai pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Sekiranya pemilik asal menjual, melupuskan atau menukar hak milik kenderaan diesel tersebut sehingga tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan BUDI Diesel, kelayakan pemilik asal akan terbatal secara automatik.

Dalam keadaan ini, kelayakan yang telah dipindahkan kepada individu lain juga akan terbatal. Penerima pemindahan kelayakan tidak boleh terus menggunakan kelayakan diesel bersubsidi sekiranya pemilik asal tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan.

15. Adakah pengumpulan data ini hanya dibuat sekali sahaja?

Pengumpulan dan pengemaskinian data dibuat secara bulanan.

Sekiranya terdapat pengguna yang tidak menerima liter kelayakan dalam fasa awal, data mereka masih boleh dikemukakan secara bulanan melalui saluran yang ditetapkan. Setelah data diterima dan diproses, pengguna boleh membuat semakan kelayakan melalui portal BUDI MADANI.

16. Adakah pemilik asal masih boleh membeli diesel bersubsidi selepas pemindahan kelayakan diluluskan?

Pemilik asal masih boleh menggunakan kelayakan diesel bersubsidi bagi kenderaan yang dikekalkan untuk kegunaan sendiri. Ini kerana kelayakan pengguna diesel adalah sehingga empat (4) individu iaitu pemilik berdaftar tersebut dan tiga (3) orang individu lain.

Namun, bagi pemilik yang mempunyai tiga (3) kenderaan dan ke bawah, sekiranya kesemua kelayakan bagi kenderaan yang dimiliki telah dipindahkan, pemilik asal berkenaan tidak lagi mempunyai akses kepada kelayakan BUDI Diesel.

17. Bolehkah seorang penerima menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel daripada dua atau lebih individu?

Tidak. Seorang penerima hanya boleh menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel daripada seorang pemilik asal sahaja. Ini bagi memastikan pemindahan kelayakan tidak menyebabkan pertindihan kelayakan atau penyalahgunaan subsidi diesel.

18. Bolehkah individu yang telah menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel memindahkan kelayakan tersebut kepada individu lain?

Tidak. Individu yang menerima pemindahan kelayakan BUDI Diesel tidak boleh memindahkan kelayakan tersebut kepada individu lain.

Pemindahan kelayakan hanya dibenarkan sekali sahaja daripada pemilik asal kepada penerima yang diluluskan. Pemindahan seterusnya kepada pihak lain adalah tidak dibenarkan.

19. Apakah yang berlaku sekiranya penerima pemindahan kemudian layak menerima BUDI Diesel atas kelayakannya sendiri?

Sekiranya penerima pemindahan kemudian didapati layak menerima BUDI Diesel atas kelayakannya sendiri, pemindahan kelayakan sedia ada akan terbatal secara automatik dan kelayakan tersebut akan dikembalikan kepada pemilik berdaftar kenderaan pada kitaran bulan berikutnya.

Selepas itu, penerima tersebut hanya akan menikmati kelayakan BUDI Diesel berdasarkan kelayakan sendiri, tertakluk kepada kriteria dan baki kelayakan bahan api yang ditetapkan.

20. Apakah yang berlaku sekiranya Lesen Kenderaan Motor atau cukai jalan kenderaan diesel milik pemilik asal tamat tempoh?

Sekiranya Lesen Kenderaan Motor atau cukai jalan kenderaan diesel milik pemilik asal tamat tempoh, kelayakan BUDI Diesel yang telah dipindahkan akan terjejas kerana kelayakan tersebut bergantung kepada status kenderaan diesel yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Dalam keadaan ini, penerima pemindahan tersebut akan kehilangan kelayakan diesel yang dipindahkan sehingga rekod kenderaan pemilik asal dikemas kini dan memenuhi semula kriteria kelayakan yang ditetapkan.

21. Apakah yang berlaku sekiranya pemilik asal menukar kenderaan diesel kepada kenderaan petrol?

Sekiranya pemilik asal tidak lagi memiliki kenderaan diesel yang memenuhi kriteria kelayakan, termasuk kerana menjual, menukar hak milik atau menukar kepada kenderaan petrol, kelayakan BUDI Diesel pemilik asal akan terbatal.

Dalam keadaan tersebut, kelayakan BUDI Diesel yang telah dipindahkan kepada penerima juga akan terbatal secara automatik kerana pemindahan tersebut bergantung kepada kelayakan pemilik asal.

22. Bilakah pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang diluluskan akan dipaparkan dalam portal BUDI MADANI?

Pemindahan kelayakan yang diluluskan akan dikemas kini dan dipaparkan mulai 1 hari bulan berikutnya, tertakluk kepada pemprosesan dan pengemaskinian permohonan yang dikemukakan selewat-lewatnya 27 hari bulan pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, proses pemprosesan data boleh berlaku dengan lebih kerap iaitu seawal setiap dua (2) hari bergantung kepada keperluan dan jumlah permohonan yang diterima.

Pengguna boleh membuat permohonan melalui portal BUDI MADANI di www.budimadani.gov.my atau hadir secara fizikal di Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seluruh negara.

23. Adakah pemandu e-hailing juga boleh memindahkan Kelayakan BUDI Diesel?

Pemandu e-hailing yang merupakan pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian individu dan memenuhi syarat kelayakan BUDI Diesel, tertakluk kepada syarat penerima sebagaimana dinyatakan dalam soalan 3.

Pemandu e-hailing juga tertakluk kepada syarat-syarat asas pemindahan kelayakan, iaitu pemindahan hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap kenderaan yang layak dan bersifat sehalu sebagaimana dinyatakan dalam soalan 6.

24. Bolehkah kelayakan BUDI Diesel yang diperuntukkan bagi kegunaan selain kenderaan dipindahkan?

Tidak. Berdasarkan ketetapan semasa, kelayakan BUDI Diesel yang diperuntukkan bagi kegunaan selain kenderaan tidak boleh dipindahkan. Pemindahan kelayakan hanya terpakai bagi kelayakan BUDI Diesel yang diperoleh berdasarkan pemilikan kenderaan diesel persendirian individu sahaja.

25. Apakah yang berlaku kepada pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang telah diluluskan sebelum 16 September 2026?

Pemindahan kelayakan yang telah diluluskan sebelum 16 September 2026 adalah muktamad dan bersifat sehalu. Namun, pemilik berdaftar yang memiliki lebih daripada satu (1) kenderaan diesel persendirian individu boleh mengemukakan permohonan baharu bagi memindahkan kelayakan BUDI Diesel mereka berdasarkan jumlah kenderaan diesel yang dimilikinya, tertakluk kepada had maksimum tiga (3) individu, termasuk penerima pemindahan kelayakan yang telah diluluskan dan berkuat kuasa.

26. Perlukah maklumat penerima sedia ada yang telah diluluskan disertakan dalam permohonan baharu?

Permohonan baharu hendaklah dikemukakan berserta maklumat penerima sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini, bagi mengenal pasti kelayakan penerima tersebut berdasarkan jenis kenderaan yang akan ditetapkan kepadanya.

Namun, sekiranya penerima sedia ada ini tidak disenaraikan dalam permohonan baharu, keutamaan tetap akan diberikan kepada penerima tersebut secara automatik, termasuk kelayakan tambahan 100 liter sekiranya pemilik berdaftar memiliki kenderaan jenis jip atau pick-up.

27. Adakah kesemua tiga (3) penerima perlu dimasukkan dalam satu permohonan atau boleh dipohon secara berasingan?

Permohonan boleh dikemukakan secara bersekali atau berasingan, sehingga had tiga (3) penerima dipenuhi. Setiap permohonan hendaklah menyatakan nombor pendaftaran kenderaan diesel yang layak bagi penerima berkenaan. Setelah had tersebut dipenuhi, tiada permohonan pemindahan baharu boleh dikemukakan.

Bagi pemilik berdaftar yang telah mempunyai penerima yang diluluskan sebelum ini, maklumat penerima sedia ada tersebut hendaklah disertakan dalam permohonan baharu bagi mengenal pasti kelayakan setiap penerima berdasarkan kenderaan yang ditetapkan kepadanya.

28. Apakah yang berlaku kepada permohonan pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang masih belum selesai diproses sehingga 15 September 2026?

Semua permohonan pemindahan kelayakan BUDI Diesel yang masih belum selesai diproses sehingga 15 September 2026, termasuk permohonan yang masih dalam proses semakan dan pengesahan hubungan kekeluargaan, akan dikembalikan kepada pemohon.

Pemilik berdaftar kenderaan diesel persendirian individu yang masih berhasrat untuk memindahkan kelayakan BUDI Diesel miliknya boleh mengemukakan permohonan baharu mulai 16 September 2026 tertakluk kepada ketetapan baharu.

29. Apakah yang berlaku sekiranya lebih daripada satu permohonan dikemukakan menggunakan nombor MyKad penerima atau nombor pendaftaran kenderaan yang sama?

Sekiranya lebih daripada satu permohonan baharu dikemukakan menggunakan nombor MyKad penerima atau nombor pendaftaran kenderaan yang sama, hanya permohonan baharu yang lebih awal dikemukakan akan dipertimbangkan dan diproses.

30. Adakah pemindahan kelayakan BUDI Diesel memberikan tambahan kelayakan liter diesel?

Tidak. Pemindahan kelayakan BUDI Diesel tidak menambah kelayakan liter sedia ada. Kelayakan liter penerima adalah berdasarkan kenderaan yang ditetapkan kepadanya.

Bagi kenderaan diesel persendirian jenis jip atau pick-up yang layak, pemilik berdaftar boleh memohon kelayakan tambahan 100 liter bagi pihak individu penerima, tertakluk kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.